

01 OCT 1999

Fokus-Pertanian

BAHAN MAKANAN MAHAL BAHANA KRISIS EKONOMI

Oleh: Isabella Hiew

KUALA LUMPUR: Banyak pengajaran penting diperolehi ekoran krisis ekonomi. Paling ketara ialah perlunya membangun semula kekuatan pertanian negara.

Dalam satu aspek, Malaysia menempuh perubahan bermula daripada ekonomi berasaskan eksport komoditi kepada ekonomi berasaskan pengilangan. Kini ia melangkah ke arah teknologi maklumat dan multimedia.

Pertanian, terutamanya pengeluaran makanan, memainkan peranan kurang penting hinggalah krisis kewangan melanda beberapa buah negara dan Malaysia, dengan bil perbelanjaan yang besar untuk mengimport makanan seperti kelapa, daging, sayuran dan buah-buahan.

Kini, para pengurus dan perancang ekonomi membuat seruan untuk melaksanakan gabungan dasar yang betul dan kembali kepada asal memandangkan krisis ekonomi jelas mencerminkan kepentingan sektor pertanian dan pengeluaran makanan.

Keadaan bertambah genting apabila bil perbelanjaan untuk mengimport makanan mencapai RM10 bilion pada 1998, satu perbelanjaan yang besar ketika ekonomi negara merudum. Makanan, menyumbang lebih 60 peratus daripada Indeks Harga Pengguna.

Oleh itu, pertanian wajar diberi semangat baru dan diberi perhatian semula, tidak sekadar enjin ekonomi dalam pengeluaran dan mengeksport makanan malah sebagai alat untuk mencukupkan makanan atau jaminan makanan, demikian pandangan para pakar dan perancang ekonomi negara.

Untuk tujuan itu, Universiti Putra Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia) menyahut cabaran dan kini satu program dikendalikan untuk mewujudkan petani angkatan baru yang akan dilengkapi kemahiran dan pengetahuan, sebagai pra-syarat dalam pengeluaran makanan menjelang alaf baru.

Tanggapan para petani lama dengan pendapatan yang tidak seberapa akan bertukar setelah "agro-technopreneurs" mengambilalih sebagai kapten baru sektor pertanian.

Dekan Fakulti Pertanian UPM Prof Mohamed Yusof Hussein berkata pertanian akan direvolusikan kerana untuk menjadi pembekal makanan, industri itu perlu dipermodenkan, melalui proses penjenteraan dan mengamal bioteknologi untuk menggalakkan daya pengeluaran.

"Transfomasi pertanian mungkin berlaku sekurang-kurangnya dalam masa 10 tahun, walaupun dekad pertama mungkin kritikal," katanya dalam temubual dengan Bernama.

Pandangan optimisnya dalam industri itu dimuatkan dalam kertas-kerja yang diolah bersama Dr Makhdzir Mardan dan Profesor Madya Mad Nasir Shamsuddin dari UPM yang dibentangkan di Konvensyen Agex '99 di sini baru-baru ini.

"Malaysia mempunyai potensi untuk menawan semula laluan lama rempah dalam membekalkan makanan ke dunia di alaf baru," tegas kertas beliau sambil merujuk kepada sejarah awal apabila Semenanjung Tanah Melayu menjadi tumpuan makanan dan rempah di zaman pelayaran laut yang menempuh perjalanan yang berbahaya dan lama semata-mata untuk berdagang.

PERTANIAN TEPAT

"Sektor pertanian negara ini perlu disusun semula untuk membolehkannya bertambah efisien, produktif dan berdaya saing," katanya.

Cabaran mungkin sangat besar memandangkan negara akan melangkah ke arah

pengeluaran tanaman makanan. Getah dan kelapa sawit diuruskan dalam bentuk estet yang membuktikan kepakaran negara, berbeza dengan tanaman kebun.

Yusof berkata untuk menjadi efisien, produktif dan berdaya saing, teknologi baru melibatkan pertanian tepat yang menggunakan satelit, antara lain untuk memberi keputusan tepat sambil menjimat kos pengeluaran, mengurangkan pembaziran dan menghadkan kerosakan alam sekitar.

Perumusan nutrien dalam hidrofoni (pertanian tanpa tanah), sejenis pertanian tepat, boleh diamalkan di kawasan bandar memandangkan kekurangan tanah.

Sifat intensifnya memerlukan penggunaan ruang yang optimum dan sumber efisien seperti air, elektrik dan bahan-bahan lain.

Pertanian jenis ini merupakan mesra-alam sekitar dan mampu kekal serta terdapat pasaran untuk keluaran pertanian hidrofoni, tambah Yusof.

Bentuk pertanian dengan tanah pula dikenali sebagai aerofoni.

Ladang seumpama itu, yang dimulakan Januari tahun ini, kini menghasilkan sayur-sayuran beriklim sederhana dan sub-tropikal sebagai gantikan import.

Dr Gan Lian Tiong, Pengurus Besar Bahagian Perniagaan Agritech, Ladang Sime Darby (Agritech Business Division of Sime Darby Plantations) yang memiliki 5ha ladang dekat Seremban, berkata sejak tanaman itu diusahakan di rumah hijau (greenhouse), tiada racun serangga diperlukan.

Sayur-sayuran itu dijual 30 peratus lebih rendah berbanding sayur-sayuran yang diimport tetapi tanaman sub-tropikal berharga kira-kira 10 peratus lebih daripada sayuran tempatan.

Keluaran kebun mempunyai pasaran tetapi sayur-sayuran yang dijual melalui pasaraya, pemborong dan jualan terus, menarik perhatian orang ramai kerana sayur-sayuran itu bebas daripada racun serangga.

Gan berkata pertanian aeroponik adalah keseluruhannya mesra-alam sekitar memandangkan hanya sedikit air digunakan dan apajua pembuangan tidak dikotori.

Ladang itu, yang terletak di pinggir atau pusat bandar mengukuhkan pendapat Yusof bahawa pertanian bandar mungkin menjadi trend pada masa hadapan.

MENGATASI GETAH DAN KELAPA SAWIT

"Penggunaan jentera adalah perlu memandangkan sektor pertanian semakin saintifik tetapi para petani teragak-agak menggunakannya kerana pelaburan dalam mesin-mesin itu adalah tinggi dan tidak semua proses dalam keluaran tanaman boleh dijenterakan.

"Ini merupakan kes di mana insentif adalah perlu untuk menggalakkan penggunaan jentera," tambahnya.

Bagaimanapun, Malaysia memerlukan jurutera-jurutera tempatan untuk merangka dan mencipta peralatan kerana mereka lebih faham topografi tanah dan boleh menilai keperluan petani negara ini.

Yusof turut menyarankan supaya tanaman seperti jagung dan ubi kayu, selain buah-buahan dan sayur-sayuran juga diusahakan.

"Kementerian Perusahaan Awam perlu memikirkan untuk menggalakkan tanaman ini dan menganggapnya sebagai eksport komoditi. Mungkin akan terserlah "hasil utama" dari salah satu tanaman itu," katanya.

MENIMBA KEPAKARAN DALAM PEMBANGUNAN & PENYELIDIKAN

Dalam pembentangan kertas-kerja di Konvensyen Agex, ketiga-tiganya turut menyebut betapa perlunya nimba kepakaran dalam pembangunan dan penyelidikan untuk menggalakkan pertanian.

Mereka menyarankan supaya ladang-ladang pertanian milik rakyat Malaysia menubuhkan satu yayasan di institusi-institusi penyelidikan utama bertaraf dunia untuk mempelopori penyelidikan kejuruteraan genetik dan merangka

tanaman tropikal serta ternakan.

"Kita perlu memanfaatkan para pelajar Malaysia di luar negara dengan menganugerahkan 'internship' dengan institusi penyelidikan yang dilantik dalam kejuruteraan genetik dalam pertanian," kata mereka.

Dengan itu, kita boleh memastikan pelaburan baik bagi kedua-dua, sumber manusia dan pembangunan paten. Ia juga menyediakan peningkatan yang besar dalam teknologi keluaran pertanian negara," jelas mereka.

Perancangan, latihan dan dasar adalah satu cara cepat untuk meningkatkan keluaran makanan ke satu perniagaan yang besar dan untuk mengemudikan syarikat mega serta perbadanan kepada perniagaan agro.

Jika hasil lumayan boleh diperolehi, perbadanan-perbadanan dan perusahaan swasta akan merintis jalan untuk merealisasikan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang "seterusnya" untuk mengorientasikan semula pertanian Malaysia untuk perniagaan. -- Bernama

IH RR RS